

D171

B B723 DEB
MAHATHIR - WIRA

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA, KEBEBASAN YANG DICAPAI OLEH NEGARA PADA MASA KINI TIDAK AKAN KEKAL, JIKA RAKYAT TIDAK SANGGUP MEMPERTAHANKANNYA.

BELIAU BERKATA, RAKYAT TIDAK HARUS MENGANGGAP KEBEBASAN YANG DIKECAPI KINI HANYALAH SATU PERKARA BIASA YANG AKAN TERUS BERKEKALAN.

WALAU PUN KEMERDEKAAN NEGARA DICAPAI TANPA PERTUMPAHAN DARAH, NILAI KEMERDEKAAN ITU TIDAK HARUS DIRENDAHKAN, MALAHAN IA PERLU TERUS DIPERTAHANKAN, KATANYA KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM WIRA NEGARA 1987 ANJURANNYA BAGI MERAIKAN PARA PENENTANG MALAYAN UNION DI SUBANG JAYA, DEKAT SINI.

BELIAU BERKATA, SEMUA PIHAK PERLU MEMPERTAHANKAN KEBEBASAN YANG DIKECAPI KERANA ADA PIHAK DARI DALAM DAN LUAR NEGERI YANG IRI HATI DAN CUBA MEMBELAKANGKAN PRINSIP DEMOKRASI YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI.

OLEH ITU, KATANYA, RAKYAT HARUS SENTIASA MENINGATKAN DIRI MENGENAI PENTINGNYA NILAI KEMERDEKAAN, DEMOKRASI DAN PERLEMBAGAAN NEGARA DIPERTAHANKAN AGAR TIDAK LAGI DIJAJAH OLEH PIHAK LAIN. -- LAGI
2336MST 30 08 87

D173

B B724 DEB
MAHATHIR - WIRA 2 KUALA LUMPUR

BANGSA YANG TIDAK MERDEKA AKAN SENTIASA DIPANDANG HINA OLEH MASYARAKAT LAIN, KATANYA SAMBIL BERHARAPAN GENERASI MUDA MEMBERI PERHATIAN KEPADA PEMBINAAN SEMANGAT KEBANGSAAN DAN BERSEDIA MEMPERTAHANKAN KEBEBASAN YANG TELAH DIMILIKI.

KATANYA, GENERASI MUDA PERLU INSAF UNTUK MEMPERTAHANKANNYA KERANA HAKIKATNYA IALAH KEBEBASAN YANG MEREKA KECAPI KINI ADALAH HASIL PENGORBANAN PIHAK SEBELUMNYA.

BELIAU JUGA BERKATA, MANUSIA SANGGUP BERKORBAN APA SAHAJA MESKIPUN NYAWA UNTUK MENIKMATI KEBEBASAN SEBAGAIMANA YANG DIPERJUANGKAN OLEH RAKYAT AFGHANISTAN DAN KAMPUCHEA UNTUK MEMERDEKAKAN NEGARA MEREKA.

KATANYA, SEMANGAT SEDEMIKIAN AKAN MENJADIKAN SESUATU BANGSA LEBIH MULIA DAN AKAN MENINGATKAN MANUSIA MENGENAI PENGERTIAN UNTUK HIDUP MERDEKA ATAU BEBAS.

+KITA PERLU BERKORBAN SEBAGAIMANA PEPATAH MELAYU, +BIAR PUTIH TULANG JANGAN PUTIH MATA+, KERANA WALAU PUN KITA SENDIRI TIDAK MERASAI HASIL DARIPADA PERJUANGAN ITU, TETAPI IA ADALAH UNTUK BANGSA DAN NEGARA.+ -- LAGI
2352MST 30 08 87

D174

B B725 DEB
MAHATHIR - WIRA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, KEBEBASAN JUGA AKAN DAPAT MENENTUKAN NASIB DAN MARUAH SESUATU BANGSA.

PADA MAJLIS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYAMPAIKAN CENDERAMATA BERUPA PAYUNG SUMBANGAN SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) KEPADA PARA PENENTANG MALAYAN UNION.

YANG TURUT HADIR IALAH ISTERI PERDANA MENTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID DAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK YUSOF NOOR. -- BERNAMA
2353MST 30 08 87